

Headline **Karnival berterusan**
Date **06 Dec 2009**
MediaTitle **Metro Ahad**
Section **Selebriti**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **314,321 / 1,964,000**

Language **Malay**
Page No **B28**
Article Size **293 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **6,300**
PRValue **18,900**



Karnival berterusan

Artis jual produk

SELEPAS mengendalikan beberapa program jualan amal, Friends Ukhuwah Charity Group yang diterajui pelakon cantik, Zahida Rafiq dan perunding imej Izzat Shariff, sekali lagi menganjurkan acara sama bagi mengumpul dana untuk disumbangkan kepada anak yatim, orang kurang upaya (OKU), pengidap HIV dan ibu tunggal.

Kali ini Galaxy Ampang Shopping Centre menjadi lokasi pilihan jualan amal yang bermula sejak 1 hingga 31 Disember ini. Orang ramai

berpeluang bertemu ramai artis yang terbabit dalam jualan amal ini termasuklah Zarina Zainudin yang menjual produk kecantikan dan Zahida yang seperti biasa melelong barang perhiasan dan pakaianya.

Selain itu produk kecantikan turut dijual termasuklah Kayla Beverly dan U Shine. Bagi pasangan yang mahu melangsungkan perkahwinan bolehlah berkunjung ke gerai perundingan perkahwinan Izatt Artistic Team, Adam Haris Canopy & Catering dan Ika Bridal House.

Menurut Izatt, sebanyak 40 gerai disediakan dan mereka yang berminat berniaga di majlis jualan amal ini boleh menyewa gerai dengan harga

RM350 yang akan disumbangkan ke tabung Ukhuwah manakala 10 peratus hasil jualan juga akan disumbangkan ke dana berkenaan.

Selain membeli-belah sambil beramal, orang ramai juga berpeluang menyertai pelbagai program menarik yang berlangsung di pentas utama setiap Sabtu dan Ahad seperti pertandingan karaoke, tarian kanak-kanak, melukis wajah kanak-kanak, Idola Kecil dan poco-poco beragam.

"Pertandingan akhir bagi menentukan siapakah yang layak bergelar juara akan diadakan pada 31 Disember. Hadiah yang ditawarkan cukup lumayan dalam bentuk wang

tunai dan hamper.

"Sebelum itu, pada 24 Disember, jam 7.30 petang, kita akan mengadakan majlis amal Krismas bersama anak-anak yatim dan OKU.

"Sepanjang sebulan orang ramai berpeluang menonton persembahan artis popular tanah air antaranya Ning Baizura, Fazli Zainal, Betty Benafe, Lan & The Typewriter, One Nation Emcee dan Nikki Palikat," katanya yang mengharapkan sambutan ramai.

Orang ramai yang berminat menyewa gerai dan menyertai pertandingan bolehlah menghubungi talian 012-2149822 atau 019-2286209.

Headline **Karnival berterusan**
Date **06 Dec 2009**
MediaTitle **Metro Ahad**
Section **Selebriti**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **314,321 / 1,964,000**

Language **Malay**
Page No **B28**
Article Size **293 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **6,300**
PRValue **18,900**

